

Kos tanah Kampung Baharu harus munasabah — Mahathir

(P)
KUALA LUMPUR 13 Jan.
— Dato' Sri Dr. Mahathir Mo-
hammad berkata, Kampung Ba-
haru di sini akan kekal seperti
sekarang sekiranya kerajaan ti-
dak boleh membangunkannya
akibat kos tanah yang terlalu
tinggi.

Kata Perdana Menteri, ke-
rajaan mestilah mempunyai
cukup wang untuk memba-
ngunkannya.

Menurut beliau, dalam hu-
bungan ini, kos tanah di kam-
pung itu mestilah munasabah
bagi membolehkan kerajaan
membina rumah serta kedai
yang mampu dimiliki atau di-
sewa oleh orang Melayu sele-
pas kawasan itu dimajukan.

Menurut beliau, kerja - kerja
penilaian serta mengukur ka-
wasan yang akan diambilalih
oleh kerajaan sedang dijalan-
kan bagi menentukan siapa
yang berhak menerima pam-
pasan serta bagaimana pem-
bayaran boleh dibuat.

Bagaimanapun, katanya,
peruntukan pampasan belum
ditentukan dan bukannya \$400
juta seperti yang dinyatakan

oleh Timbalan Menteri di Ja-
batan Perdana Menteri, Dato'
Drs. A. Suleiman Mohamed
baru-baru ini.

"Walaupun begitu, sudah
tentu kita tidak akan samun
harta orang, oleh itu kita kena
tentukan siapa yang berhak
dan bagaimana kita hendak
bayar (pampasan)," katanya
kepada para pemberita selepas
mesyuarat Majlis Tertinggi
(MT) UMNO di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata,
sekiranya kerajaan tidak mem-
punyai cukup wang, sudah
tentu pembangunan tidak da-
pat dilakukan dan ini bermak-
na pembangunan di Kampung
Baharu mungkin terbengkalai.

"Kalau tak cukup duit,
Kampung Baharu akan kekal
seperti sekarang.

"Sebab itulah harus diingat,
kalau kos tanah terlalu tinggi,
esok kita tidak mungkin dapat
menempatkan bumiputera di
Kampung Baharu dan bumi-
putera pun tidak boleh bernia-
ga kerana sudah tentulah pula
kos bangunan terlalu tinggi,"
tambahnya.